

Syarat-Syarat Pembinaan / Pemasangan Tangga Keselamatan Di Atas Rezab Jalan/Longkang Bagi Premis-Premis Yang Diubah Suai Atau Tukarguna Di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai.

- 1. Pemunya Bangunan / Perunding bertauliah hendaklah memastikan kekuahan /kestabilan serta fungsi tangga sentiasa berada dalam keadaan baik, selamat dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap struktur tangga ini.
- 2. Pemunya Bangunan / Perunding Bertauliah (PSP) hendaklah membuat penandaan (*marking*) di atas Tempat Letak Kereta (TLK) yang terlibat dengan pembinaan/pemasangan tangga keselamatan ini bagi memastikan tiada sebarang objek atau halangan yang berada di atas TLK ketika berlakunya sebarang kecemasan semasa penggunaan tangga tersebut.
- 3. Tangga mekanikal/lipat atau yang setara dengannya diwajibkan hanya pada bahagian bawah premis sahaja, manakala lain-lain rekabentuk tangga adalah bagi tingkat satu keatas dengan mematuhi ketinggian minima dan lain-lain syarat tertakluk kepada sokongan Jabatan Bomba dan Penyelamat serta kelulusan Majlis.
- 4. Tangga daripada batu bata, konkrit atau yang bersifat kekal adalah tidak dibenarkan
- 5. Majlis Bandaraya Seberang Perai tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, kerugian atau apa-apa tuntutan akibat tindakan yang diambil dari pembinaan struktur tangga ini.
- 6. Binaan tangga ini terpakai kepada kelebaran jalan/orong belakang yang tidak kurang daripada 20 kaki.
- 7. Lebar minima bagi tangga adalah 900mm dan ruang kelebaran maksima tangga yang dibenarkan adalah 1800mm tertakluk kepada kelulusan pihak Bomba.
- 8. Binaan tangga ini boleh dibenarkan untuk pembangunan strata dengan syarat mendapat persetujuan daripada Badan Pengurusan atau pemilik petak (premis) bertingkat yang terlibat. Persetujuan ini termasuklah pembinaan, pemasangan dan penggunaan tangga sementara ini secara bersama. (Jika Berkaitan)
- 9. Bagi binaan tangga yang berada di atas tempat letak kereta akan dikenakan bayaran sebanyak RM3000.00 untuk 1(satu) tempat letak kereta dengan sekali bayar kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai.(Jika Berkaitan)
- 10. Semua permohonan pelan bangunan termasuk binaan tangga sementara ini dikemukakan oleh Orang Utama Yang Mengemukakan (Prisipal Submitting Person-PSP) iaitu pihak perunding yang bertauliah.
 - **Majlis berhak mengarahkan pihak tuan berhenti kerja serta-merta sekiranya didapati pihak tuan gagal mengambil langkah mematuhi syarat-syarat tersebut.**
 - **Sebarang penambahan atau pindaan perlu mengemukakan permohonan yang baharu untuk pertimbangan.**

Catatan : Tandakan yang berkaitan